



Anggota Bomba dan Penyelamat **meninjau kejadian banjir kilat** di Jalan Desa 2/3, Bandar Desa Country Homes, Rawang yang didakwa berpunca daripada kegiatan mengorek pasir tanpa kawalan. Sementara gambar kanan sebuah kereta musnah dihempap tebing dalam kejadian tanah runtuh.



Kegiatan korek pasir punca banjir kilat

» Hujan lebat, air sungai melimpah akibat kesesakan teruk di Rawang

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

Rawang

Kegiatan mengorek pasir tanpa kawalan dipercayai punca banjir kilat di kawasan projek pembinaan di Jalan Desa 2/3, Bandar Desa Country Homes, di sini, pagi semalam.

Lombong pasir yang membentuk kolam takungan di situ, gagal menampung air hujan menye-

babkan tebingnya runtuh dan memasuki Sungai Coh.

Seorang penduduk dikenali Ken Ng, 28, mendakwa kelodak hasil pembersihan pasir yang dikorek di kawasan itu memasuki anak sungai serta parit berdekatan menyebabkan ia menjadi cetek dan tersumbat.

Longkang tersumbat

"Pasir dicuci tanpa sistem pembuangan kelodak dan ia disalurkan terus ke sungai berhampiran sehingga menyebabkan longkang tersumbat.

"Hujan lebat pagi tadi menyebabkan air dari sungai berhampiran sebuah pusat beli-belah di Rawang melimpah ke kawasan sekitar serta mengakibatkan lalu lintas sesak teruk dari arah Jalan Batu Arang.

"Keadaan ini menyusahkan orang ramai dan apabila banjir kilat banyak lumpur masuk ke

dalam rumah yang dinaiki air," katanya kepada BH.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata hujan berterusan sejak jam 6 pagi sehingga jam 8 pagi menyebabkan air naik dengan cepat.

"Kejadian tanah runtuh itu mengakibatkan pokok tumbang lalu menghempap sebuah kereta. Manakala sebuah lagi kereta di kawasan tempat letak kenderaan hanya terkena serpihan tanah.

"Air mulai surut jam 8.15 pagi tidak membabitkan kecederaan atau kehilangan jiwa.

"Banjir kilat di kawasan pembinaan dan jentera dari Batu Arang dengan enam anggota dikejar ke lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memberitahu sebuah syarikat kontraktor pernah didakwa dan



Kawasan perumahan di Jalan Desa 2/3 Bandar Desa Country Homes, Rawang dilanda banjir kilat berikutan **hujan lebat berterusan**.

mengaku salah di mahkamah kerana mengorek pasir secara haram di kawasan sama lima bulan lalu.

"Terkini, kegiatan itu masih berlaku selepas kes itu. Kegiatan mengambil pasir dari sungai berhampiran Bandar Desa Country Homes itu meninggalkan kesan kepada alam sekitar dan kolam tadahan yang tidak mengikut

spesifikasi," katanya.

Isnin lalu, BH melaporkan satu lokasi curi pasir dikesan di Selangor, membabitkan kegiatan penyelewengan permit dan doket (kupon untuk tuntutan royalti) pengeluaran tanah merah di kawasan bahan buangan kuari bersebelahan Kuari Hansson di Rawang.